

GST tak naik jika harga minyak jatuh



Ahmad Husni Hanadzlah

Kerajaan tidak berhasrat menaikkan kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) jika harga minyak dunia jatuh di bawah paras AS\$48 (RM210) setong tahun depan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata dakwaan konon kerajaan akan menaikkan kadar GST jika harga minyak terus menjunam adalah spekulasi tidak berasas.

Tegasnya, kedudukan harga minyak dunia ditentukan oleh Pertubuhan Negara Pengeksport

Petroleum (OPEC) yang bersidang setiap enam bulan.

“Kabinet tidak pernah berbincang atau bercadang menaikkan kadar GST, malah kerajaan sentiasa berbincang dengan penganalisis dan konsultan.

Harga minyak rendah

“Ia turut bergantung kepada persidangan OPEC dan ketika ini harga minyak rendah kerana permintaan kurang berbanding pengeluaran,” katanya ketika menggulung perbahasan Rang

Undang-Undang Perbekalan 2016 peringkat kementeriannya di sini, semalam.

Sebelum itu, Rafizi Ramli (PKR-Pandan) ketika mencelah, berkata khabar angin menyebut kerajaan akan menaikkan kadar GST tahun depan sekiranya harga minyak terus jatuh di bawah paras AS\$48 setong.

Ahmad Husni berkata, perkara itu lebih bersifat spekulasi dan kerajaan akan terus berusaha mencapai defisit 0.6 peratus menjelang tahun 2020.